



KENANGAN...Pasukan bola tampar wanita UMS-KAL (berdiri) bersama Kampung E sebelum final acara itu.

Kontinjen UMS-KAL raih 4 emas

LABUAN: Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) memungut 4 pingat emas, 3 perak dan 4 gangsa di Kejohanan Sukan Sirkuit Antara Kolej-Kolej Kediaman UMS pada 23 - 24 Oktober lalu di Kompleks Sukan UMS, Kota Kinabalu.

Empat pingat itu ialah futsal wanita, badminton perseorangan lelaki, bowling berpasukan wanita dan bola jaring.

Pingat perak diperolehi melalui acara hoki 7 sebelah, bola tampar wanita dan bola jaring.

Kontinjen UMS-KAL mendapat empat pingat gangsa melalui acara futsal lelaki, bola keranjang lelaki, bola tampar lelaki dan tenpin bowling berpasukan lelaki.

Kejohanan dua hari itu turut disertai Kontinjen Kolej Kediaman Kampung AB, Kampung CD, Kampung E, Kingfisher dan Indah Permai.

Kontinjen Kampung AB mendapat 3 pingat emas melalui acara hoki 7 sebelah, futsal lelaki dan bola tampar lelaki, pasukan Kingfisher Team mendapat 1 emas melalui acara bola keranjang lelaki dan Kampung E memperolehi 1 emas melalui acara bola tampar wanita.

Pasukan CD turut mendapat 1 pingat emas melalui acara tenpin bowling lelaki berpasukan manakala pingat emas acara ping pong dimenangi pasukan Kingfisher.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah disampaikan oleh Ketua



BOLA KERANJANG LELAKI...Pasukan bola keranjang lelaki UMS-KAL hanya mampu meraih pingat gangsa.

Unit Sukan dan Rekreasi UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah di Gelanggang Bola Tampar UMS, Kota Kinabalu.

Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan UMS, Ahmadi Nurdin dan Ketua Penyelaras Kejohanan itu, Azman Soibah.

Pegawai Belia dan Sukan, UMS-KAL, Gabriel Moinjil mengucapkan tahniah kepada pemain UMS-KAL yang berjaya membawa balik 11 pingat daripada 11 kategori sukan yang disertai sekaligus memberikan



kepada pasukan untuk menghadapi kejohanan lain di peringkat UMS, Labuan, Sabah dan akan terus menjalani latihan secara serius

kebangsaan pada masa akan datang.

PESERTA BOWLING...Pasukan tenpin bowling wanita dan lelaki UMS-KAL selepas beraksi di 1Borneo.



BOLA TAMPAR LELAKI...Pingat gangsa turut dipungut oleh pasukan bola tampar lelaki.